

27 DEC 1999

Mahathir-Kempen

JANGAN BERKEMPEN SELEPAS PILIHAN RAYA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 27 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata parti-parti politik tidak perlu berkempen lagi seolah-olah masih di dalam keadaan pilihan raya umum bagi menenangkan keadaan.

Perdana Menteri berkata sebaliknya, masyarakat perlu membetulkan hubungan sesama mereka selepas pilihan raya umum ke-10 yang diadakan pada 29 Nov lepas.

Mereka hendaklah membersihkan sepanduk, bendera dan poster bagi memudahkan mereka bertegur sapa dan merapatkan hubungan sesama mereka, katanya sebelum berbuka puasa dengan penduduk Kampung Naga, di sini.

"Jadilah masyarakat tanpa sepanduk.

"Sekiranya masih nak pasang bendera parti, pasanglah di dalam rumah dan jangan di luar rumah seolah-olah nak mengekalkan permusuhan," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata hubungan sesama masyarakat perlu diperbetulkan agar mereka dapat hidup dengan senang dan bahagia.

Beliau berkata masyarakat hendaklah berbaik-baik di antara satu sama lain selepas pilihan raya diadakan bagi memilih calon untuk mendirikan kerajaan di pusat dan negeri.

Perdana Menteri bersyukur kerana pilihan raya umum di negara ini dapat diadakan secara aman tanpa rusuhan dan pertumpahan darah.

"Lupakan kata-kata kesat semasa kempen pilihan raya dan sekarang masyarakat perlu bersalaman antara satu sama lain.

"Pilihan raya tidak akan diadakan sebelum lima tahun lagi jadi parti-parti politik tidak perlu terus berkempen seolah-olah masih dalam keadaan pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata ramai tidak faham maksud pilihan raya kerana menganggap ia sebagai medan perang.

Mereka sanggup membunuh calon dan orang tertentu di sesetengah negara, katanya.

Bagaimanapun, di Malaysia masyarakat berpeluang berkempen, merayu undi dan mengundi semasa pilihan raya dengan selamat, katanya.

Orang Islam pula, katanya, patut berpegang kepada ajaran Islam bahawa mereka bersaudara walaupun daripada parti berlainan.

Oleh itu, orang Islam tidak perlu terus bermusuhan selepas pilihan raya dan hendaklah kembali pada ajaran Islam yang menyeru umatnya bersatu padu, kata beliau.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain Barakbah.

Kira-kira 1,000 penduduk kampung itu menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

JM AKD